



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**19 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- ASSESSMENT TAX

04

**KOSMO**

- Ampang Park boleh diroboh

07



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>19 JANUARI 2017 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	ASSESSMENT TAX
Muka Surat	04

YS 19/1/17 MS 04

- Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has set Feb 28 as the last day to pay the first term of 2017's assessment tax. Landowners can pay at locations specified at MPAJ's website, [www.mpaj.gov.my](http://www.mpaj.gov.my).



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>19 JANUARI 2017 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Ampang Park boleh diroboh
Muka Surat	07

Kosmo 19/1/17 ms 07

# Rayuan pemilik strata, penyewa berhubung pengambilan tanah bina stesen MRT ditolak

## Ampang Park boleh diroboh

**PUTRAJAYA** – Mahkamah Rayuan di sini semalam menolak rayuan dikemukakan oleh 39 pemilik strata dan penyewa pusat beli-belah Ampang Park berhubung pengambilan tanah bagi projek stesen Mass Rapid Transit (MRT) Lembah Klang Ampang Park.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Abang Iskandar Abang Hashim mengekalkan keputusan dibuat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30 Jun tahun lepas berikutan rayuan itu tidak mempunyai merit.

"Selepas mempertimbangkan hujahan peguam, kami berpandangan bahawa tiada merit dalam hujahan para perayu (pemilik strata dan penyewa), alansnya kekal iaitu walaupun laluan MRT akan dibina di bawah tanah, namun kerja pada keseluruhannya masih perlu dilaksanakan di permukaan tanah," kata beliau dalam penghakimannya. Kesemua 39 pemilik strata



KERATAN Kosmo/ 9 Januari 2016.

berkenaan merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan mereka bagi semakan untuk mencabar bahawa pengambilan tanah itu dibuat mengikut undang-undang ditetapkan.

Hakim Abang Iskandar juga berkata, mahkamah tidak melihat wujudnya sebarang *mala fide* atau niat jahat di pihak pembuat keputusan dalam membuat keputusan bahawa pengambilan hartanah perayu adalah perlu dilakukan.

Tambahnya, pengambilan hartanah para perayu mengikut geran strata masing-masing telah dilakukan mengikut undang-undang, hak asasi perlembagaan ke atas hartanah itu seperti ter-



KERJA-KERJA merobohkan pusat beli-belah Ampang Park ini boleh diteruskan selepas Mahkamah Rayuan Putrajaya semalam menolak rayuan 39 pemilik strata dan penyewa di situ.

maktub di bawah undang-undang tidak dilanggar oleh para responden.

Berikutan itu, beliau memrintahkan kesemua pemilik strata dan penyewa membayar kos berjumlah RM70,000 kepada para responden iaitu RM30,000 kepada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan

Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan dan RM40,000 kepada MRT Corp.

Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan, mewakili Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan manakala peguam Robert Lazar mewakili MRT Corp.

Peguam Datuk Zainur Zakaria, Datuk Edward Ng Boon Seong, Jason Ng Kau dan Adnan Seman mewakili 39 pemilik strata dan penyewa pusat beli-belah Ampang Park.

Pemilik premis perniagaan di pusat beli-belah Ampang Park yang memfailkan permohonan itu pada 8 Januari 2016 turut menamakan Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan Malaysia sebagai responden.

Bagaimanapun, pada 20 Januari 2012, kumpulan itu menggugurkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan Malaysia sebagai responden dalam permohonan semakan kehakiman itu.

Mereka memohon diisytiharkan bahawa Borang D bertarikh 17 Ogos 2015, dan Borang E bertarikh 22 Oktober 2015 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dikeluarkan oleh para responden adalah tidak berperlembagaan, menyalahi undang-undang batal dan tidak sah. – Bernama